

Empat universiti dikekalkan status penyelidikan – Khaled Nordin

PUTRAJAYA – Status universiti penyelidikan bagi empat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara ini dikekalkan untuk tempoh tiga tahun lagi bermula tahun ini.

IPTA itu ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, keputusan itu berdasarkan hasil audit ke atas keempat-empat universiti tersebut bagi tempoh 2007 hingga 2009.

“Secara keseluruhannya, keempat-empat universiti penyelidikan itu telah menunjukkan impak yang besar ke atas pencapaian bidang

penyelidikan negara dan penghasilan modal insan.

“Pencapaian mereka turut merentasi empat aspek yang diukur iaitu modal insan, penerbitan, paten dan hak harta intelek (IPR) serta penjana pendapatan,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau sebelum itu hadir pada perhimpunan bulanan kementerian-

nya dan majlis pelancaran Buku Kajian Kes Bersepadu Program Perakaunan dan Kajian Hala Tuju Bidang Pengajian.

Kata beliau, dalam aspek modal insan, bilangan pelajar pasca siswazah di universiti terbabit menunjukkan peningkatan 34 peratus iaitu daripada 29,794 pada 2007 kepada 39,819 tahun lalu.

Jelas Mohamed Khaled, bagi aspek penerbitan pula, bilangan penerbitan dalam jurnal indeks sitasi turut meningkat dari 2,303 pada 2007 kepada 4,346 pada 2009 iaitu peningkatan sebanyak 89 peratus.

“Aspek IPR pula mencatatkan peningkatan sembilan peratus iaitu daripada 217 pada 2007 kepada 237 pada tahun lalu,” katanya. – Bernama